

Jumlah penganggur turun 6.3 peratus pada suku ketiga

Bilangan penganggur berkurnag 6.3 peratus kepada 573,000 orang pada suku ketiga 2023 berbanding 611,800 orang pada suku sama tahun lalu, membolehkan kadar pengangguran negara berada pada 3.4 peratus untuk beransur-ansur kembali ke tahap prapandemik.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata selaras dengan pertumbuhan ekonomi, penawaran buruh kekal kukuh apabila kadar penyertaan tenaga buruh pada suku ketiga 2023 meningkat 0.7 mata peratus tahun ke tahun kepada 70.1 peratus.

"Bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 2.3 peratus untuk merekodkan 16.82 juta orang, terutama disumbangkan oleh kenaikan 2.7 peratus dalam penduduk bekerja," katanya dalam satu kenyataan diterbitkan Jabatan Perangkawan Malaysia (DOSM) berhubung Sorotan Pasaran Buruh, Suku Ketiga 2023.

Pasaran buruh negara terus

berkembang pada suku ketiga 2023 apabila mencatatkan kadar penyertaan tenaga buruh tertinggi pada 70.1 peratus.

Mengulas lanjut, Mohd Uzir berkata kenaikan permintaan buruh yang didorong oleh industri dipengaruhi oleh peningkatan bagi guna tenaga yang disumbangkan oleh perkembangan dalam pasaran domestik, seterusnya membawa kepada situasi

pengangguran yang lebih baik.

"Di sebalik ketidaktentuan landskap ekonomi global, ekonomi Malaysia berkembang 3.3 peratus pada suku ketiga tahun 2023, setelah mencatatkan pertumbuhan 2.9 peratus pada suku sebelumnya," katanya.

Mengulas mengenai situasi permintaan buruh pada suku ketiga 2023, Mohd Uzir berkata jawatan dalam sektor ekonomi menin-

gkat sebanyak 2.6 peratus kepada 8.9 juta jawatan berbanding 8.58 juta pada suku sama tahun lalu.

Beliau berkata, jawatan diisi merangkumi 97.9 peratus dari pada jumlah jawatan meningkat sebanyak 2.7 peratus kepada 8.71 juta, manakala peluang pekerjaan dalam ekonomi ditunjukkan oleh bilangan kekosongan jawatan yang menyumbang 2.1 peratus daripada jawatan, menurun sedikit 0.2 peratus kepada 190,900 kekosongan.

"Lebih separuh daripada kekosongan pada suku ketiga 2023 adalah dalam sektor pembuatan yang menyumbang 107,900 kekosongan, sebahagian besarnya dalam subsektor produk elektrik, elektronik & optik yang merekodkan 33.8 ribu kekosongan jawatan.

"Situasi permintaan buruh yang stabil pada suku berkenaan juga ditunjukkan oleh peningkatan 4.8 peratus bagi bilangan pewujudan jawatan untuk memenuhi keperluan industri,

merangkumi 32,000," katanya.

Merumuskan keadaan semasa, Mohd Uzir berkata pasaran buruh Malaysia menunjukkan prospek yang memberangsangkan sepanjang suku ketiga 2023, yang patut diberi perhatian di sebalik ketidaktentuan ekonomi global.

Menuju ke suku akhir 2023, katanya prospek kekal optimistik, memandangkan Indeks Pelopor yang terkini menjangkakan ekonomi Malaysia akan terus menyederhana, disebabkan oleh cabaran-cabaran ini, walaupun permintaan domestik yang kuah.

"Strategi dan inisiatif dalam Belanjawan 2024 sejajar dengan rangka kerja Ekonomi MADANI, yang bertujuan untuk meningkatkan kedudukan ekonomi negara dan rakyat, dijangka memberi impak positif kepada ekosistem pasaran buruh dengan mempertingkatkan kemahiran tenaga kerja, menaikkan upah dan mencipta peluang pekerjaan melalui pelaburan strategik," katanya.

 **Bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 2.3 peratus untuk merekodkan 16.82 juta orang, terutama disumbangkan oleh kenaikan 2.7 peratus dalam penduduk bekerja** 

**Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia**

